



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

LAPORAN KAJIAN KHAS BAZAR RAMADAN DAN BAZAR AIDILFITRI 2022

MALAYSIA

Pemakluman:

Jabatan Perangkaan Malaysia sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES / BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 bermula dari 15 April 2022 sehingga 30 September 2022.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun.

Tema sambutan MyStats Day adalah
“Connecting the World with Data We Can Trust”

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia

Blok C6, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62514 Putrajaya,

MALAYSIA

Tel.	:	03-8885 7000
Faks	:	03-8888 9248
Portal	:	https://www.dosm.gov.my
Facebook / Twitter / Instagram	:	StatsMalaysia
Emel	:	info@dosm.gov.my (pertanyaan umum) data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data)

Diterbitkan pada Jun 2022.

Hakcipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia.”

ISBN xxxxxxxxx

KATA PENGANTAR

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) buat julung kalinya menyediakan Laporan Kajian Khas Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri 2022 Malaysia. Laporan ini berasaskan kepada kajian yang bermula dari 3 April 2022 sehingga 29 April 2022 bagi Bazar Ramadan dan dari 14 April 2022 sehingga 29 April 2022 bagi Bazar Aidilfitri. Kajian berkenaan dilaksanakan secara temu ramah secara bersemuka, pemerhatian dan panggilan telefon yang pemilihannya dibuat secara rawak terhadap peniaga di Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Malaysia.

Laporan ini memaparkan nilai jualan, bilangan pekerja dan bilangan gerai perniagaan di Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri yang beroperasi di seluruh negara bagi tahun 2022. Statistik yang diterbitkan adalah sehingga di peringkat daerah. Laporan ini memberikan maklumat penting yang boleh dijadikan input kepada agensi-agensi kerajaan, ahli ekonomi dan penyelidik bagi tujuan membuat perancangan dan penggubalan dasar.

Laporan ini mengandungi empat bahagian. Bahagian pertama memaparkan penemuan utama kajian khas ini. Bahagian kedua pula membentangkan jadual statistik bagi membantu pengguna dalam analisis. Sementara itu, nota teknikal bagi menerangkan konsep, definisi dan metodologi dimuatkan di bahagian ketiga bagi membantu pengguna memahami statistik yang diterbitkan. Manakala, bahagian keempat memaparkan rangkuman infografik berkaitan Ramadan dan Aidilfitri. Semua data/ maklumat yang dilaporkan ini hanya untuk tujuan statistik sahaja.

DOSM ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama responden, PBT serta semua agensi yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan kajian khas dan penyediaan laporan ini. Cadangan dan pandangan ke arah memperbaiki lagi laporan ini pada masa hadapan amatlah dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

Jun 2022



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



KANDUNGAN


	Muka surat
Kata Pengantar	i
Kandungan	iii
Ringkasan Penemuan	
BAHAGIAN 1: Penemuan Utama Survei Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri 2022 Malaysia	5
BAHAGIAN 2: Jadual Statistik	
1.0 Statistik Bazar Ramadan dan Aidilfitri mengikut Negeri, 2022	15
1.1 Statistik Bazar Ramadan dan Aidilfitri mengikut Negeri & Daerah, 2022	16
2.0 Statistik Bazar Ramadan mengikut Negeri, 2022	21
2.1 Statistik Bazar Ramadan mengikut Negeri & Daerah, 2022	22
3.0 Statistik Bazar Aidilfitri mengikut Negeri, 2022	27
3.1 Statistik Bazar Aidilfitri mengikut Negeri & Daerah, 2022	28
BAHAGIAN 3: Nota Teknikal	35
BAHAGIAN 4: Rangkuman Infografik Ramadan dan Aidilfitri 2022	41

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.




LAPORAN KAJIAN KHAS

BAZAR RAMADAN & BAZAR AIDILFITRI 2022 MALAYSIA



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



BAHAGIAN 1:

**PENEMUAN UTAMA
SURVEI BAZAR RAMADAN
DAN BAZAR AIDILFITRI
2022
MALAYSIA**

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



1. PENDAHULUAN

Pada 3 April 2022, umat Islam di Malaysia telah mula menunaikan ibadah puasa dan menyambut perayaan Hari Raya Aidilfitri mulai 1 Mei 2022. Pelbagai aktiviti perniagaan telah dibenarkan beroperasi oleh kerajaan termasuklah penganjuran Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri yang dari segi ekonomi membuka peluang pekerjaan dan menjana pendapatan peniaga.

DOSM telah melaksanakan kajian untuk mendapatkan maklumat berkaitan nilai jualan, bilangan pekerja serta bilangan gerai perniagaan semua Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri yang berdaftar dengan PBT di peringkat daerah, negeri dan nasional.

2. PRESTASI BAZAR RAMADAN DAN BAZAR AIDILFITRI SECARA KESELURUHAN DI MALAYSIA

Pada tahun 2022, sebanyak 1,138 bilangan Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri beroperasi di Malaysia dengan merekodkan sejumlah 61,623 bilangan gerai perniagaan. Nilai jualan yang dijana oleh kedua-dua bazar ini adalah berjumlah RM2.4 bilion manakala jumlah pekerja yang terlibat adalah seramai 156,361 orang seperti ditunjukkan di **Paparan 1**.

**Paparan 1: Statistik Bilangan Gerai, Nilai Jualan dan Jumlah Pekerja
Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri, 2022**





2.1 PRESTASI BAZAR RAMADAN DAN BAZAR AIDILFITRI MENGIKUT NEGERI

Paparan 2 menunjukkan bilangan gerai, nilai jualan dan jumlah pekerja bagi Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri mengikut negeri. Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri di Selangor mencatatkan bilangan gerai tertinggi iaitu sebanyak 12,677 gerai. Ini diikuti oleh Johor (8,266 gerai) dan W.P. Kuala Lumpur (5,141 gerai).

**Paparan 2: Statistik Bilangan Gerai, Nilai Jualan dan Jumlah Pekerja
Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri mengikut Negeri, 2022**

		Bilangan Gerai		Nilai Jualan (RM juta)		Jumlah Pekerja (orang)
	Johor	8,266		301.9		22,423
	Kedah	3,846		111.9		9,374
	Kelantan	3,075		85.9		8,508
	Melaka	3,757		107.1		10,239
	Negeri Sembilan	2,384		61.5		5,127
	Pahang	2,898		83.2		7,292
	Pulau Pinang	4,342		158.7		10,098
	Perak	4,845		132.3		12,689
	Perlis	228		6.4		742
	Selangor	12,677		643.1		31,563
	Terengganu	4,321		133.5		12,133
	Sabah	2,817		68.3		7,162
	Sarawak	2,420		82.3		6,607
	W.P. Kuala Lumpur	5,141		379.5		10,993
	W.P. Labuan	132		2.6		297
	W.P. Putrajaya	474		30.0		1,114

Negeri yang mencatatkan nilai jualan tertinggi bagi Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri ialah Selangor iaitu RM643.1 juta. Nilai jualan kedua tertinggi direkodkan oleh W.P. Kuala Lumpur berjumlah RM379.5 juta dan diikuti oleh Johor RM301.9 juta.



Sementara itu, bagi jumlah pekerja, Selangor turut merekodkan bilangan pekerja yang tertinggi iaitu seramai 31,563 orang. Ini diikuti oleh Johor 22,423 orang dan Perak 12,689 orang.

2.2 PRESTASI BAZAR RAMADAN DAN BAZAR AIDILFITRI MENGIKUT DAERAH

Pada tahun 2022, bilangan lokasi Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri adalah berjumlah 1,138 yang terdapat di 140 daerah di Malaysia.

Dari segi nilai jualan mengikut daerah, Petaling mencatatkan nilai tertinggi sebanyak RM230.2 juta dengan bilangan pekerja seramai 8,928 orang seperti di **Paparan 3**. Ini diikuti oleh Johor Bahru dan Ulu Langat masing-masing merekodkan nilai jualan iaitu sebanyak RM126.3 juta (bilangan pekerja: 8,493 orang) dan RM 117.9 juta (bilangan pekerja: 5,517 orang).

Paparan 3: Nilai Jualan Tertinggi Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri mengikut Daerah, 2022

Daerah	Nilai Jualan (RM juta)	Jumlah Pekerja (orang)
Petaling	230.2	8,928
Johor Bahru	126.3	8,493
Ulu Langat	117.9	5,517

Nota.

Untuk maklumat terperinci berkaitan prestasi Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri mengikut daerah boleh dirujuk pada Jadual 1.1 di muka surat 16.



3. PRESTASI BAZAR RAMADAN DI MALAYSIA

Bilangan gerai yang beroperasi di Bazar Ramadan pada tahun 2022 adalah sebanyak 52,852 gerai. Manakala, nilai jualan yang direkodkan adalah RM1.9 bilion dengan bilangan pekerja seramai 133,726 orang (**Paparan 4**).

**Paparan 4: Statistik Bilangan Gerai, Nilai Jualan dan Jumlah Pekerja
Bazar Ramadan, 2022**



3.1 PRESTASI BAZAR RAMADAN MENGIKUT NEGERI

Bazar Ramadan di Selangor mencatatkan bilangan gerai tertinggi berjumlah 11,000 gerai berbanding negeri lain. Ini diikuti oleh Johor (7,449 gerai) dan W.P. Kuala Lumpur (4,935 gerai) seperti di **Paparan 5**.

Bagi nilai jualan Bazar Ramadan pula, Selangor merekodkan nilai jualan tertinggi iaitu sebanyak RM527.4 juta dengan sumbangan 27.3 peratus. W.P. Kuala Lumpur mencatatkan nilai jualan kedua tertinggi yang berjumlah RM359.2 juta (18.6%) dan diikuti oleh Johor RM257.4 juta (13.3%).

Sementara itu, bagi jumlah pekerja, Selangor turut merekodkan bilangan pekerja yang tertinggi iaitu seramai 27,078 orang (20.2%). Ini diikuti oleh Johor (20,326 orang; 15.2%) dan Perak (11,126 orang; 8.3%).



Paparan 5: Statistik Bilangan Gerai, Nilai Jualan dan Jumlah Pekerja Bazar Ramadan mengikut Negeri, 2022

		Bilangan Gerai		Nilai Jualan (RM juta)		Jumlah Pekerja (orang)
	Johor	7,449		257.4		20,326
	Kedah	3,114		71.5		7,455
	Kelantan	2,648		76.5		7,895
	Melaka	2,401		40.4		6,024
	Negeri Sembilan	2,063		51.6		4,626
	Pahang	2,416		60.9		5,969
	Pulau Pinang	3,714		115.6		8,402
	Perak	4,212		109.5		11,126
	Perlis	178		4.5		595
	Selangor	11,000		527.4		27,078
	Terengganu	3,405		99.7		9,691
	Sabah	2,591		63.1		6,698
	Sarawak	2,320		75.8		6,356
	W.P. Kuala Lumpur	4,935		359.2		10,527
	W.P. Labuan	132		2.6		297
	W.P. Putrajaya	274		14.2		661

3.2 PRESTASI BAZAR RAMADAN MENGIKUT DAERAH

Pada tahun 2022, Bazar Ramadan di Petaling mencatatkan nilai jualan tertinggi iaitu sebanyak RM213.8 juta dengan bilangan pekerja seramai 8,448 orang seperti di **Paparan 6**. Ini diikuti oleh Johor Bahru (nilai jualan: RM113.6 juta; bilangan pekerja: 8,110 orang) dan Ulu Langat (nilai jualan: RM110.6 juta; bilangan pekerja: 5,497 orang).



Paparan 6: Nilai Jualan Tertinggi Bazar Ramadan mengikut Daerah, 2022

Daerah		Nilai Jualan (RM juta)		Jumlah Pekerja (orang)
Petaling		213.8		8,448
Johor Bahru		113.6		8,110
Ulu Langat		110.6		5,497

Nota.

Untuk maklumat terperinci berkaitan prestasi Bazar Ramadan mengikut daerah boleh dirujuk pada Jadual 2.1 di muka surat 22.

4. PRESTASI BAZAR AIDILFITRI DI MALAYSIA

Pada tahun 2022, sebanyak 130 Bazar Aidilfitri beroperasi di Malaysia yang merangkumi 8,771 gerai perniagaan. Nilai jualan yang direkodkan adalah RM458.5 juta dengan jumlah pekerja seramai 22,635 orang seperti di **Paparan 7**.

Paparan 7: Statistik Bilangan Gerai, Nilai Jualan dan Jumlah Pekerja Bazar Aidilfitri, 2022





4.1 PRESTASI BAZAR AIDILFITRI MENGIKUT NEGERI

Bazar Aidilfitri di Selangor mencatatkan bilangan gerai tertinggi berjumlah 1,677 dengan sumbangan sebanyak 19.1 peratus seperti ditunjukkan pada **Paparan 8**. Ini diikuti oleh Melaka (1,356 gerai; 15.5%) dan Terengganu (916 gerai; 10.4%).

**Paparan 8: Statistik Bilangan Gerai, Nilai Jualan dan Jumlah Pekerja
Bazar Aidilfitri mengikut Negeri, 2022**

		Bilangan Gerai		Nilai Jualan (RM juta)		Jumlah Pekerja (orang)
	Johor	817		44.4		2,097
	Kedah	732		40.5		1,919
	Kelantan	427		9.4		613
	Melaka	1,356		66.7		4,215
	Negeri Sembilan	321		9.9		501
	Pahang	482		22.3		1,323
	Pulau Pinang	628		43.1		1,696
	Perak	633		22.8		1,563
	Perlis	50		1.9		147
	Selangor	1,677		115.8		4,485
	Terengganu	916		33.8		2,442
	Sabah	226		5.2		464
	Sarawak	100		6.6		251
	W.P. Kuala Lumpur	206		20.3		466
	W.P. Labuan	-		-		-
	W.P. Putrajaya	200		15.8		453

Selangor mencatatkan nilai jualan tertinggi bagi Bazar Aidilfitri iaitu sebanyak RM115.8 juta dengan sumbangan 25.3 peratus. Nilai jualan kedua tertinggi ialah Melaka berjumlah RM66.7 juta (14.6%) dan diikuti oleh Johor RM44.4 juta (9.7%).



Sementara itu, bagi jumlah pekerja, Selangor turut merekodkan bilangan pekerja yang tertinggi iaitu seramai 4,485 orang (19.8%). Ini diikuti oleh Melaka (4,215 orang; 18.6%) dan Terengganu (2,442 orang; 10.8%).

4.2 PRESTASI BAZAR AIDILFITRI MENGIKUT DAERAH

Pada tahun 2022, sebanyak 8,771 gerai Bazar Aidilfitri beroperasi di 68 daerah seluruh Malaysia. Daerah yang merekodkan nilai jualan tertinggi adalah Melaka Tengah berjumlah RM61.8 juta dengan bilangan pekerja seramai 3,838 orang. Seterusnya adalah Klang dengan nilai jualan RM59.4 juta (bilangan pekerja: 2,754 orang) dan diikuti oleh Seberang Perai Utara (nilai jualan: RM23.5 juta; bilangan pekerja: 2,754 orang) seperti ditunjukkan pada **Paparan 9**.

Paparan 9: Nilai Jualan Tertinggi Bazar Aidilfitri mengikut Daerah, 2022

Daerah	Nilai Jualan (RM juta)	Jumlah Pekerja (orang)
Melaka Tengah	61.8	3,838
Klang	59.4	2,754
Seberang Perai Utara	23.5	812

Nota.

Untuk maklumat terperinci berkaitan prestasi Bazar Aidilfitri mengikut daerah boleh dirujuk pada Jadual 3.1 di muka surat 28.